

KOS PENGURUSAN SAMPAH SISA BINAAN DI TAPAK BINA

JAMION BIN OMAR

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER, 2006

ABSTRAK

Industri pembinaan adalah kompleks serta melibatkan pelbagai bidang kerja dan pihak. Antara bidang kerja yang terlibat di dalam industri pembinaan ialah pembersihan sisa binaan dan mencuci bangunan. Kedua-dua bidang kerja ini sering dipandang mudah dan kurang mendapat perhatian oleh pihak kontraktor. Mengapa fenomena ini terjadi? Adakah ini disebabkan oleh salah anggapan pihak kontraktor dimana membersihkan sisa binaan dan mencuci bangunan adalah sesuatu yang murah dan mudah? Untuk merungkai pertanyaan ini, maka satu kajian kes telah dijalankan ke atas satu (1) kontraktor. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kos sebenar yang dibelanjakan oleh pihak kontraktor dalam membersihkan sisa binaan dan mencuci bangunan di tapakbina. Untuk memperolehi maklumat yang jelas serta terperinci, temuduga secara berstruktur telah dijalankan terhadap kontraktor tentang bagaimana mereka membersihkan sisa binaan dan mencuci bangunan sebelum ianya dapat diserahkan kepada pihak klien. Seterusnya, segala maklumat-maklumat yang dikumpulkan dianalisa dan dipersembahkan di dalam bentuk graf, jadual dan carta pai. Keputusan kajian mendapati bahawa kos sebenar yang dibelanjakan oleh pihak kontraktor untuk kerja membersihkan sisa binaan dan mencuci bangunan adalah hampir dua puluh lima (25) kali atau 2,315% lebih tinggi daripada kos yang dianggarkan di dalam dokumen kontrak. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kerja-kerja membersihkan sisa binaan dan mencuci bangunan sebenarnya menguasai sebanyak 1.23% dan bukan 0.052% daripada jumlah keseluruhan harga kontrak. Kesimpulannya, kerja mengurus sisa binaan dan membersihkan bangunan bukan suatu perkara yang kecil dan boleh dipandang mudah oleh kontraktor.

ABSTRACT

Construction industry is complex and involves multi type of works and various parties. Clearing of construction waste and cleaning of the building is one of the main required works in the construction industry. However, both clearing and cleaning works are always ignored by the contractor. Why dose these phenomena happen? Is it because of misconception that clearing of construction waste and cleaning works is easy and cheap to handle? To answer the question a case study was conducted on one (1) contractor. The main objective of this research is to identify the real cost incurred by the contractor in managing construction waste and cleaning works on site. A structured interview was conducted on the contractor to obtain details information on their construction waste management and cleaning works prior handing over the building to the client. The collected data were analyzed and the findings are presented in graphs, tables and pie charts. The finding of the research indicates that the real cost incurred by the contractor to manage construction waste and cleaning works are much higher than the price quoted in the contract document. Its shows that the real cost incurred for clearing of construction and cleaning of the building are almost twenty five (25) times or 2,315% higher than the contract price. The finding also shows that clearing and cleaning works has concurred about 1.23% and not 0.052% of the total contract sum. In conclusion, it shows that clearing of construction waste and cleaning of the building is not as easy or cheap to manage as many contractors thought.